



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
Bil. 11

22hb Mei 2008

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 27 November 2007 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 20 Mac 2008, disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 27 November 2007 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 20 March 2008, is published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
-----	---------------------------

Enakmen 3	Enakmen Lembaga Air Perak (Syarikat Pengganti) 2008
-----------	--

Enactment 3	Perak Water Board (Successor Company) Enactment 2008
-------------	---



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN 3

**ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK
(SYARIKAT PENGGANTI) 2008**

Tarikh Perkenan Diraja 20 Mac 2008

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 22 Mei 2008

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 3

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK (SYARIKAT PENGGANTI) 2008

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI

3. Peletakhakan harta alih, dsb.
4. Peletakhakan harta tak alih
5. Sijil Menteri Besar sebagai keterangan muktamad

BAHAGIAN III

PEMEGANGAN SEKURITI & STRUKTUR KEWANGAN SYARIKAT PENGGANTI

6. Pemegangan permulaan Kerajaan Negeri dalam syarikat pengganti
7. Pelaburan Kerajaan Negeri di dalam pegangan sekuriti syarikat pengganti
8. Pemegangan Kerajaan Negeri di dalam syarikat pengganti melalui penama
9. Struktur kewangan syarikat pengganti

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAKITANGAN

10. Kakitangan

BAHAGIAN V

AM

11. Menghalang kesukaran dan anomali

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**Enakmen 3****ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK
(SYARIKAT PENGGANTI) 2008**

BETA PERKENANKAN,

RAJA DR. NAZRIN SHAH

Pemangku Raja

20 Mac 2008

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhkan harta, hak dan liabiliti Lembaga Air Perak pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan Lembaga Air Perak, dan bagi mengadakan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut :

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Air Perak (Syarikat Pengganti) 2008 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“hak” ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada yang sebenar, kontingen atau dijangkakan;

“harta” termasuklah segala harta, alih dan tak alih, saham-saham, stok-stok, sekuriti-sekuriti dan segala estet, kepentingan, isemen dan hak, sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang mengenai, kepada atau daripada harta, kontrak, hak dalam tindakan, wang dan nama baik;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Perak;

“liabiliti” ertinya tiap-tiap perihalan liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi (sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang sebenar atau kontigen, dan sama ada yang kena dibayar atau dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

“Menteri Besar” ertinya Menteri Besar Negeri Perak;

“orang” termasuklah kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“Pegawai Kewangan Negeri” ertinya pegawai utama yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kewangan Negeri Perak;

“Lembaga Air” ertinya Lembaga Air Perak yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Air Perak 1988;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Pihak Berkuasa Negeri Perak;

“Saham Emas” ertinya satu Saham Keutamaan Boleh Tebus berserta hak-hak eksklusif [istimewa] bernilai RM1.00:

- (i) yang hanya boleh dipegang oleh atau dipindahkan kepada Kerajaan Negeri; dan
- (ii) yang mempunyai hak-hak eksklusif [istimewa] seperti mana yang dinyatakan di dalam Artikel Syarikat, syarikat pengganti;

“syarikat pengganti” ertinya syarikat berhad menurut syer yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan dinamakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 3(1), yang kepadanya harta, hak dan liabiliti Lembaga Air dipindahkan dan diletakhkan di bawah subseksyen itu dan di bawah subseksyen 4(2);

“tarikh peletakhkan” ertinya tarikh yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 3(1);

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Enakmen ini mula berkuat kuasa; dan

“terletak hak” berhubung dengan harta, termasuklah mempunyai kontingen dan hak perkembalian dan penerimaan baki.

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI

Peletakhakan harta alih, dsb.

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa dan melalui suatu siri perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan tarikh peletakhakan yang berlainan dan pada tarikh peletakhakan masing-masing, segala harta alih, hak dalam tindakan, hak dan liabiliti Lembaga Air yang dinyatakan dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Enakmen ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menamakan syarikat pengganti dalam perintah-perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Tiap-tiap harta alih yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti hendaklah terletak hak sedemikian pada syarikat pengganti itu bagi hakmilik atau kepentingan yang serupa sebagaimana harta itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan masing-masing.

(4) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, selepas tarikh peletakhakan masing-masing, dituntut melalui guaman, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh syarikat pengganti itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat pengganti itu atau Lembaga Air memberikan notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu tentang peletakhakan yang dilaksanakan melalui subseksyen (1).

(5) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan masing-masing, dituntut melalui guaman, didapatkan kembali atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat pengganti itu atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi syarikat pengganti itu atau Lembaga Air memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(6) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Lembaga Air yang berhubungan dengan apa-apa harta alih, hak dalam tindakan, hak atau liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas, tarikh peletakhakan masing-masing, diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengganti itu.

(7) Dalam hal hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana pinjaman yang terletak hak pada syarikat pengganti pada tarikh peletakhakan masing-masing, syarikat pengganti itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak-hak dan liabiliti-liabiliti sedemikian dengan Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Pada dan selepas tarikh peletakhakan masing-masing, apa-apa surat ikatan, perjanjian, surat cara atau perkiraan yang berhubungan dengan apa-apa harta alih, hak dalam tindakan, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (1) yang Lembaga Air adalah suatu pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh peletakhakan masing-masing, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian sifatnya yang hak dan

liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Lembaga Air, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah syarikat pengganti itu telah menjadi suatu pihak kepada surat ikatan, perjanjian, surat cara atau perkiraan itu.

Peletakhakan harta tak alih

4. (1) Pada tarikh peletakhakan masing-masing itu, segala harta tak alih Lembaga Air hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Kerajaan Negeri tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa dan melalui suatu siri perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan tarikh peletakhakan yang berlainan dan pada tarikh masing-masing itu, harta tak alih Lembaga Air yang dinyatakan dalam perintah itu hendaklah menurut kuasa Enakmen ini dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

(3) Tiap-tiap harta tak alih yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (2) hendaklah, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam perintah yang akan dibuat di bawah subseksyen (2), hendaklah terletak hak sedemikian pada syarikat pengganti bagi hakmilik atau kepentingan yang serupa sebagaimana harta itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan masing-masing.

(4) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Lembaga Air yang berhubungan dengan mana-mana harta tak alih, berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti menurut kuasa subseksyen (2) boleh, pada dan selepas tarikh masing-masing itu, diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengganti.

(5) Pada dan selepas tarikh masing-masing itu, yang dinyatakan dalam subseksyen (2) apa-apa surat ikatan, perjanjian, surat cara atau perkiraan yang berhubungan dengan mana-mana harta yang berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (2) yang kepadanya Lembaga Air adalah suatu pihak sebaik sebelum

tarikh peletakhakan masing-masing, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian sifatnya yang hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Lembaga Air, hendaklah mempunyai kesan seolah-olah syarikat pengganti itu telah menjadi suatu pihak kepada surat ikatan, perjanjian, surat cara atau perkiraan itu.

Sijil Menteri Besar sebagai keterangan muktamad

5. Jika terdapat apa-apa persoalan yang timbul berkenaan mana-mana harta alih atau tak alih yang telah dipindahmilik dan diserahkan kepada syarikat pengganti di bawah subseksyen 3(1) atau subseksyen 4(2), sijil yang dikeluarkan oleh Menteri Besar adalah merupakan keterangan muktamad berkenaan penyerahanhakan mana-mana harta, alih atau tak alih, di dalam syarikat pengganti.

BAHAGIAN III

PEMEGANGAN SEKURITI & STRUKTUR KEWANGAN SYARIKAT PENGGANTI

Pemegangan permulaan Kerajaan Negeri dalam syarikat pengganti

6. (1) Berbangkit daripada peletakhakan pada syarikat pengganti akan harta, hak dan liabiliti di bawah seksyen 3 dan 4, syarikat pengganti hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa -

- (a) kepada Kerajaan Negeri; atau
 - (b) kepada penama Kerajaan Negeri yang dilantik menurut seksyen 8.
- (2) Sekuriti yang dikehendaki untuk diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah-
- (a) diterbitkan atau diuntukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- (b) mempunyai nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (c) diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud Akta Syarikat 1965 [Akta 125] seolah-olah ia telah dibayar oleh sebab pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengganti.

(3) Kerajaan Negeri boleh melupuskan atau mengarahkan pelupusan apa-apa sekuriti yang diterbitkan atau apa-apa hak kepada sekuriti yang diuntukkan pada mulanya kepada Kerajaan Negeri menurut seksyen ini.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Kerajaan Negeri sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya berkaitan dengan apa-apa sekuriti atau hak yang diperoleh menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Pelaburan Kerajaan Negeri di dalam pegangan sekuriti syarikat pengganti

7. (1) Kerajaan Negeri boleh, pada bila-bila masa, memperoleh -

- (a) sekuriti syarikat pengganti atau mana-mana syarikat perbadanan pengganti yang berkaitan termasuk satu saham emas; atau
- (b) hak untuk memohon beli apa-apa sekuriti itu, termasuk satu saham emas.

(2) Kerajaan Negeri boleh melupus mana-mana sekuriti atau hak yang diperoleh di bawah seksyen ini.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri berbangkit daripada peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan yang dibenarkan di bawah subperenggan 8(3)(b)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada:

- (a) syarikat pengganti; atau
- (b) melalui penamanya yang dilantik menurut seksyen 8,

sebagai hak pada, atas pelupusan atau selainnya berkaitan dengan apa-apa sekuriti atau hak yang diperoleh menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Pemegangan Kerajaan Negeri di dalam syarikat pengganti melalui penama

8. (1) Kerajaan Negeri boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak untuk bertindak sebagai penamanya bagi maksud seksyen 6 atau 7 dan -

- (a) sekuriti syarikat pengganti boleh diserahkan di bawah seksyen 6 kepada mana-mana penama Pihak Berkuasa Negeri yang dilantik bagi maksud seksyen itu atau kepada mana-mana orang berhak menghendaki penerbitan sekuriti itu berikutan dengan penguntukan permulaannya kepada mana-mana penama itu; dan
- (b) mana-mana penama sedemikian yang dilantik bagi maksud seksyen 7 boleh memperoleh sekuriti atau hak mengikut seksyen itu.

(2) Mana-mana orang yang memegang apa-apa sekuriti atau hak sebagai penama Pihak Berkuasa Negeri menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah memegang dan memperlakukannya atas apa-apa terma dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri.

Struktur kewangan syarikat pengganti

9. (1) Jika Pihak Berkuasa Negeri mengarahkan sedemikian, pada bila-bila masa sebelum syarikat pengganti terhenti daripada dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan Negeri apa-apa jumlah wang,

tetapi yang tidak melebihi untung direalisasikan yang terkumpul Lembaga Air sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu, hendaklah dibawa oleh syarikat pengganti itu ke dalam suatu rizab, yang dalam seksyen ini disebut “rizab statutori”.

(2) Rizab statutori hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer-syer tak terbit syarikat itu yang hendak diuntukkan kepada anggota-anggota syarikat pengganti itu sebagai syer-syer bonus berbayar penuh.

(3) Bagi maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, nilai mana-mana aset atau hak atau amaun apa-apa liabiliti Lembaga Air, yang dikira sebagai telah terletak hak pada syarikat pengganti itu menurut kuasa seksyen 3 dan 4 hendaklah dikira sebagai nilai atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang diberikan kepada aset, hak atau liabiliti itu dalam penyata akaun yang disediakan oleh Lembaga Air, berkenaan dengan tahun perakaunan genap terakhir Lembaga Air, yang berakhir sebelum tarikh peletakhkan masing-masing.

(4) Bagi maksud mana-mana akaun statutori syarikat pengganti, amaun yang hendak dimasukkan berkenaan dengan mana-mana butiran hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa jua yang dilakukan oleh Lembaga Air, sama ada secara memperoleh, menilai semula atau melupuskan mana-mana aset atau menanggung, menilai semula atau menyelesaikan apa-apa liabiliti, atau dengan membawa apa-apa amaun ke dalam mana-mana peruntukan rizab, atau selainnya, telah dilakukan oleh syarikat pengganti.

(5) Tanpa menjaskan keluasan peruntukan subseksyen (4), amaun yang hendak dimasukkan dari semasa ke semasa ke dalam mana-mana rizab syarikat pengganti sebagai merupakan untung direalisasikan yang terkumpul hendaklah ditentukan seolah-olah apa-apa untung yang dihasilkan dan dipegang simpan oleh Lembaga Air telah direalisasikan dan dipegang simpan oleh syarikat pengganti.

(6) Sebutan dalam seksyen ini mengenai akaun statutori syarikat pengganti ialah sebutan mengenai apa-apa akaun yang disediakan oleh syarikat pengganti bagi maksud mana-mana peruntukan Akta Syarikat 1965 [Akta 125].

(7) Bagi maksud seksyen ini, “tahun perakaunan genap” ertinya tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember atau suatu tempoh yang akan ditentukan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAKITANGAN

Kakitangan

10. (1) Syarikat pengganti hendaklah menerima ke dalam penggajiannya pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan di dalam *Warta*, melantik setiap orang yang sebaik sebelum tarikh tersebut adalah anggota kakitangan Lembaga Air dan yang telah diberi pilihan oleh Lembaga Air dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja mana-mana syarikat pengganti itu.

(2) Tiap-tiap orang di bawah subseksyen (1) yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja mana-mana syarikat pengganti itu hendaklah diambil kerja oleh syarikat pengganti itu atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

BAHAGIAN V

AM

Menghalang kesukaran dan anomali

11. (1) Jika apa-apa kesukaran atau anomali berbangkit daripada perlaksanaan Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuai kepada mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah atau menghalang sebarang kesukaran atau anomali.

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa Negeri tidaklah boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh yang ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, “ubahsuaian” termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, adaptasi, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Bertarikh 2 November 2007

[LAP(S) 4/1/70-75; PU. PK. 2/2007]

AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment 3

PERAK WATER BOARD (SUCCESSOR COMPANY) ENACTMENT 2008

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

VESTING OF PROPERTY, ETC., IN SUCCESSOR COMPANY

3. Vesting of movable property etc.
4. Vesting of immovable property
5. Menteri Besar's certificate as conclusive evidence

PART III

SHAREHOLDING & FINANCIAL STRUCTURE OF THE SUCCESSOR COMPANY

6. Initial State Government holding in the successor company
7. State Government investment in securities of the successor company
8. State Government holding in the successor company through nominees
9. Financial structure of the successor company

PART IV

PROVISIONS RELATING TO STAFF

10. Staff

PART V

GENERAL

11. Prevention of difficulties and anomalies

LAWS OF THE STATE OF PERAK**Enactment 3****PERAK WATER BOARD
(SUCCESSOR COMPANY) ENACTMENT 2008**

I ASSENT,

RAJA DR. NAZRIN SHAH

Regent

20 March 2008

An Enactment to provide for the ascertainment and vesting of property rights, assets and liabilities of the Perak Water Board in a company, to make financial arrangements for that company, to provide for matters relating to the staff of the Perak Water Board, and to provide for other matters connected therewith.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

PART I**PRELIMINARY****Short title and commencement**

1. This Enactment may be cited as the Perak Water Board (Successor Company) Enactment 2008 and shall come into force on such date as the State Authority may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires -

“appointed date” means the date on which this Enactment comes into operation;

“Golden Share” means one special rights redeemable preference share of RM1.00:

(i) which may be held only by or transferred only to the State Government; and

(ii) which has attached to it special rights as specified in the Articles of Association of the successor company;

“liabilities” means all kinds of liabilities, debts, charges, duties and obligations of every description (whether present or future, actual or contingent, and whether payable or to be observed or performed in Malaysia or elsewhere);

“Menteri Besar” means the Menteri Besar of the State of Perak;

“person” includes body of persons, corporate or unincorporate;

“property” includes all property, movable or immovable, shares, stocks, securities, and all estates, interests, easements and rights, whether equitable or legal in, to or out of property, contracts, choses-in-action, money and goodwill;

“rights” means all rights, powers, privileges and immunities, whether actual, contingent or prospective;

“State Authority” means the State Authority of the State of Perak;

“State Financial Officer” means the principal officer in charge of the financial affairs of the State of Perak;

“State Government” means the Government of the State of Perak;

“successor company” means the company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] and named by the State Authority in the

orders made under subsection 3(1) to which property, rights and liabilities of the Water Board are transferred and vested under that subsection and under subsection 4(2);

“vested” in relation to property, includes rights to property which are future or contingent and rights in reversion and remainder;

“vesting dates” means the respective dates appointed by the State Authority under subsection 3(1); and

“Water Board” means the Perak Water Board established under the Perak Water Board Enactment 1988.

PART II

VESTING OF PROPERTY, ETC., IN SUCCESSOR COMPANY

Vesting of movable property etc.

3. (1) The State Authority may, from time to time and by a series of orders published in the *Gazette*, appoint various vesting dates and on those respective vesting dates the movable property, chose-in-action, rights and liabilities of the Water Board specified in such orders shall, by virtue of this Enactment, be transferred to and vested in the successor company without any conveyance, assignment or transfer.

(2) The State Authority shall name the successor company in the orders made under subsection (1).

(3) Every movable property vested by virtue of subsection (1) in the successor company shall be so vested in the successor company for the like title or interest as it was vested or held immediately before the respective vesting dates.

(4) Every chose-in-action vested by virtue of subsection (1) in the successor company may, after the respective vesting dates, be sued on, recovered or enforced by the successor company in their own names and it shall not be necessary for the successor company or the Water Board to give notice to the person bound by the chose-in-action of the vesting effected by subsection (1).

(5) Every right and liability vested by virtue of subsection (1) in the successor company may, on and after the respective vesting dates, be sued on, recovered or enforced by or against the successor company in their own names and it shall not be necessary for the successor company or the Water Board to give notice to the person whose right or liability is affected by the vesting under subsection (1).

(6) Any pending legal proceedings by or against the Water Board which relate to any movable property, chose-in-action, right or liability transferred to and vested in the successor company by virtue of subsection (1) may, on and after, the respective vesting dates, be continued by or against the successor company.

(7) In the case of rights and liabilities arising under any loans which vest in the successor company on the respective vesting dates, the successor company may enter into such arrangements or agreements over such rights and liabilities with the State Government or any third party, as the case may be.

(8) On and after the respective vesting dates any deed, agreement, instrument or arrangement relating to any movable property, choses-in-action, rights and liabilities transferred to and vested in the successor company under subsection (1) to which the Water Board was a party immediately before the respective vesting dates, whether in writing or not, and whether or not of such a nature that rights and liabilities thereunder could be assigned by the Water Board, shall have effect as if the successor company had been a party to such deed, agreement, instrument or arrangement.

Vesting of immovable property

4. (1) On the respective vesting dates, the immovable property of the Water Board shall be transferred and vested in the State Government without any conveyance, assignment or transfer.

(2) The State Authority may, from time to time and by a series of orders published in the *Gazette*, specify various vesting dates and on such respective dates, the immovable property of the Water Board as specified in the orders shall by virtue of this Enactment be transferred to and vested in the successor company named in the order under subsection 3(2) without any conveyance, assignment or transfer.

(3) Every immovable property vested by virtue of subsection (2) shall, unless otherwise stated in the orders to be made under subsection (2), be so vested in the successor company for the like title or interest as it was vested or held immediately before the respective vesting dates.

(4) Any pending legal proceedings by or against the Water Board which relate to any immovable property, transferred to and vested in the successor company by virtue of subsection (2) may, on and after, those respective dates, be continued by or against the successor company.

(5) On and after the respective dates specified in subsection (2) any deed, agreement, instrument or arrangement relating to any property transferred to and vested in the successor company under subsection (2) to which the Water Board was a party immediately before the respective vesting dates, whether in writing or not, and whether or not of such a nature that rights and liabilities thereunder could be assigned by the Water Board, shall have effect as if the successor company had been a party to such deed, agreement, instrument or arrangement.

Menteri Besar's certificate as conclusive evidence

5. If any question arises as to which of the properties movable or immovable have been transferred to and vested in the successor company under subsection 3(1) or subsection 4(2), a certificate under the hand of the Menteri Besar shall be conclusive evidence of the vesting of such property, movable or immovable, in the successor company.

PART III

SHAREHOLDING & FINANCIAL STRUCTURE OF THE SUCCESSOR COMPANY

Initial State Government holding in the successor company

6. (1) As a consequence of the vesting in the successor company of the ascertained property, rights and liabilities under sections 3 and 4, the successor company shall issue such securities of the successor company as the State Authority may from time to time direct –

(a) to the State Government; or

(b) to the nominee of the State Government appointed pursuant to section 8.

(2) The securities required to be issued in pursuance of this section shall –

(a) be issued or allotted at such time and on such terms as the State Authority may direct;

(b) be of such nominal value as the State Authority may direct; and

(c) be issued as fully paid and treated for the purposes of the Companies Act 1965 [Act 125] as if they had been paid up by virtue of the payment to the successor companies of their nominal value.

(3) The State Government may dispose or direct the disposal of any securities issued or of any rights to securities initially allotted to the State Government in pursuance of this section.

(4) Any dividends or other sums received by the State Government in right of, on the disposal of or otherwise in connection with, any securities or rights acquired by virtue of this section shall be paid into the State Consolidated Fund.

State Government investment in securities of the successor company

7. (1) The State Government may, at any time, acquire –

(a) securities of the successor company or of any related corporation of the successor company, including a Golden Share; or

(b) rights to subscribe for any such securities, including a Golden Share.

(2) The State Government may dispose of any securities or rights acquired under this section.

(3) Any expenses incurred by the State Government in consequence of the provisions of this section shall be treated as investments authorised under subparagraph 8(3)(b)(iv) of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61].

- (4) Any dividends or sums received by the State Government from:
- (a) the successor company; or
 - (b) through its nominee appointed pursuant to section 8,

in right of, on the disposal of or otherwise in connection with, any securities or rights acquired under this section shall be paid into the State Consolidated Fund.

State Government holding in the successor company through nominees

8. (1) The State Government may appoint such persons as it thinks fit to act as its nominees for the purposes of sections 6 or 7 and -

- (a) securities of the successor company may be assigned under section 6 to any nominee of the State Government appointed for the purposes of that section or to any person entitled to the issue of the securities following their initial allotment to any such nominee; and
- (b) any such nominee appointed for the purpose of section 7 may acquire securities or rights in accordance with that section.

(2) Any person holding any securities or rights as a nominee of the State Government by virtue of subsection (1) shall hold and deal with them on such terms and in such manner as the State Government may direct.

Financial structure of the successor company

9. (1) If the State Authority so directs, at any time before the successor company ceases to be wholly owned by the State Government such sum as may be specified in the direction but not exceeding the accumulated realised profits of the Water Board, shall be carried by the successor company to a reserve, which in this section is referred to as the “statutory reserve”.

(2) The statutory reserve may only be applied by the successor company in paying up unissued shares of the successor company to be allotted to members of the successor company as fully paid bonus shares.

(3) For the purposes of any statutory accounts of the successor company, the value of any asset or right or the amount of any liability of the Water Board, taken to have been vested in the successor company by virtue of sections 3 and 4 shall be taken to be the value or, as the case may be, the amount assigned to the asset, right or liability in the statement of accounts prepared by the Water Board, in respect of the last complete accounting year of the Water Board, ending before the respective vesting dates.

(4) For the purposes of any statutory accounts of the successor company, the amount to be included in respect of any item shall be determined as if anything done by the Water Board, whether by way of acquiring, revaluing or disposing of any asset or incurring, revaluing or discharging any liability, or by carrying any amount to any provision of reserve, or otherwise had been done by the successor company.

(5) Without prejudice to the generality of subsection (4), the amount to be included from time to time in any reserve of any of the successor company as representing their accumulated realised profits shall be determined as if any profits realised and retained by the Water Board had been realised and retained by the successor company.

(6) References in this section to the statutory accounts of the successor company are references to any accounts prepared by the successor company for the purposes of any provision of the Companies Act 1965 [Act 125].

(7) For the purposes of this section, “complete accounting year” means an accounting year ending on 31 December or a period to be determined by the State Financial Officer.

PART IV

PROVISIONS RELATING TO STAFF

Staff

10. (1) The successor company shall accept into its employment on such dates as the State Authority may, by notifications in the *Gazette*,

appoint every person who immediately before the respective dates is a member of the staff of the Water Board and who was given an option by the Water Board and has opted to serve as an employee of any of the successor company.

(2) Every person who under subsection (1) opts to serve as an employee of any of the successor company shall be employed by the successor company on terms and conditions of service not less favourable than terms and conditions of service to which he was entitled to immediately before the appointed date.

PART V

GENERAL

Prevention of difficulties and anomalies

11. (1) If any difficulty or anomaly arises in connection with the implementation of this Enactment, the State Authority may by order make such modifications to any provisions of this Enactment as may appear to him to be necessary for removing or preventing such difficulty or anomaly;

Provided that the State Authority shall not exercise the powers conferred by this section after the expiration of three years from the appointed date.

(2) In this section, “modifications” includes amendments, additions, deletions, substitutions, adaptations, variations and non-application of any provisions of this Enactment.

Dated 2 November 2007
[LAP(S) 4/1/70-75; PU. PK. 2/2007]

AHMAD KAMAL BIN MD. SHAHID
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHKAT DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA